

24/03/1998

Kaji implikasi permintaan pelabur asing

KITA menghormati permintaan pelabur Taiwan yang mahu kerajaan Malaysia meliberalisasikan peraturan pelaburan termasuk menguasai ekuiti bank tempatan. Kita melihat dengan positif kenyataan Pengerusi China Development Corporation (CDC), Dr Liu Tai Ying berhubung permintaannya itu kerana ia menunjukkan keyakinan pelabur Taiwan terhadap masa depan ekonomi negara ini. Dr Liu yang mengetuai 27 delegasi pelabur Taiwan kelmarin mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Setelah mendengar penjelasan Anwar, mereka nampaknya bersungguh-sungguh untuk melabur di negara ini, melihat kepada peluang jangka panjang yang boleh ditawarkan kepada mereka.

Kehadiran mereka untuk meninjau peluang baru pelaburan di negara ini menunjukkan minat dan kesungguhan mereka mengembangkan sayap pelaburan. Kita mengalu-alukan segala bentuk pelaburan tetapi perlu dipastikan, ada perkara yang kita tidak boleh bertolak ansur. Tidak ada negara yang sanggup kepentingan ekonominya dikuasai oleh orang asing. Kita lebih cenderung kepada semangat perkongsian yang tidak menjejaskan kepentingan kita.

Kita percaya, jika diberi peluang, ramai lagi pelabur asing yang mahu bertapak di negara ini. Mereka sudah pun dari awal-awal lagi menyedari permintaan mereka tidak akan ditunaikan sepenuhnya. Permintaan mereka itu kita anggap sebagai perkara biasa, mungkin dibuat sekiranya peluang yang lebih luas mampu diberikan kerajaan. Permintaan yang sama juga diminta pelabur dari negara lain. Pelabur Malaysia juga sering mengemukakan cadangan tertentu kepada kerajaan negara di mana mereka mahu melabur. Namun, ini tidak bermakna permintaan kita diterima sepenuhnya. Kita percaya meskipun permintaan pelabur asing ini tidak dapat dipenuhi, tidak bermakna mereka mengubah fikiran dan mencari tempat lain untuk meluaskan pelaburan mereka. Sekalipun permintaan mereka tidak dipertimbangkan, kita yakin mereka tetap memilih Malaysia sebagai salah satu tempat pelaburan yang menarik.

Hakikatnya, Malaysia diakui sebagai antara negara yang paling baik untuk pelabur asing. Ia bukan saja mempunyai prasarana dan kemudahan yang lengkap, malah paling penting ialah kestabilan politik. Kita percaya keyakinan yang ditunjukkan pelabur asing ini bukanlah sekadar untuk menyenangkan hati kita, tetapi mereka juga menunjukkan komitmen yang tinggi. Ini terbukti dengan kehadiran ramai pelabur asing yang begitu menggalakkan kebelakangan dalam pelbagai bidang yang berpotensi. Daripada komitmen mereka, kita lihat mereka bukan sekadar menunjukkan minat melabur di negara ini kerana mengambil kesempatan daripada kejatuhan nilai ringgit, tetapi mereka lebih mementingkan keselamatan pelaburan. Mereka juga sedar bahawa keadaan yang tidak menentu ini adalah fenomena sementara. Jika mahu mengambil kesempatan daripada kejatuhan nilai wang, adalah lebih baik mereka melabur di negara lain yang lebih teruk terjejas. Pemilihan di Malaysia, menunjukkan ada faktor lain yang mendorong mereka berbuat demikian berasaskan kepada rekod iklim pelaburan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika diminta mengulas permintaan Taiwan itu kelmarin berkata Perbendaharaan akan mengkaji kemungkinan menaikkan penyertaan ekuiti asing dalam industri perbankan tempatan, tetapi tidak melebihi 50 peratus. Alasannya, jika penyertaan pelabur asing dalam industri perbankan ditingkatkan lebih daripada 50 peratus, bank tempatan akan menjadi bank asing. Buat masa ini, ekuiti

asing di dalam bank di negara ini dihadkan kepada 30 peratus. Kita percaya penyertaan menaikkan had ekuiti penguasaan asing daripada 30 peratus sekarang, bukanlah sesuatu yang mustahil dilakukan. Berasaskan kepada pemahaman kita daripada kenyataan Dr Mahathir, ia boleh ditingkatkan sehingga 49 peratus. Tetapi, sebelum ia dinaikkan, kerajaan perlulah mengkaji impklikasinya terlebih dahulu.

Dalam usaha kerajaan untuk menggabung institusi kewangan di negara ini membuktikan kita tidak mahu bank negara ini "ditelan" oleh pelabur asing. Jika kita membenarkan pemilikan majoriti pelabur asing, bermakna kita tidak selari dengan usaha penggabungan institusi kewangan. Oleh itu, pelabur asing perlu faham terhadap sentimen kerajaan. Pada kita, kerajaan boleh menaikkan sedikit ekuiti pelabur asing tetapi tidak seharusnya dibuat tergesa-gesa. Kita perlulah melihat kepada kesan jangka panjang.

(END)